



[Experts](#)

Perkasa TVET, Perluas Horizon Akademik Bersama UMPSA

4 September 2025

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) giat melaksanakan inisiatif kerjasama akademik bagi memacu agenda Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) lanjutan serta pengantarabangsaan program akademik. Antara langkah proaktif yang diambil termasuk penawaran program ijazah dual dengan institusi ternama antarabangsa, program kampus pesisir di Borneo, peluang mobiliti pelajar merentasi sempadan (termasuk latihan industri di Jerman), serta penubuhan pusat pembangunan kemahiran vokasional berprofil tinggi. Misalnya, UMPSA telah menubuhkan Pusat Pembangunan Serantau Kemahiran Vokasional China-Malaysia hasil kerjasama dengan

Center for Language Education and Cooperation (CLEC) dan Hebei University. Pusat yang kedua seumpamanya di dunia (selepas Afrika) ini bakal menawarkan kursus bahasa Mandarin berteraskan kemahiran vokasional melalui Institut Confucius UMPSA, di samping memperkukuh pertukaran pelajar dan staf antara Malaysia–China. Antara pelaksanaan program kerjasama akademik global UMPSA adalah dua ijazah, program pesisir dan mobiliti pelajar UMPSA dalam membangunkan TVET lanjutan serta mengantarabangsakan program akademik.

Dua Ijazah dan Pengiktirafan Global

Program kerjasama akademik UMPSA membolehkan pelajar meraih dua ijazah serentak yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, melalui program ijazah dual UMPSA-HKA (Jerman), graduan Ijazah Kejuruteraan Automotif menerima dua skrol – *B.Eng (Hons.) Automotive dari UMPSA dan Bachelor of Automotive Engineering* dari Hochschule Karlsruhe (HKA), Jerman. Langkah ini adalah untuk meningkatkan profil graduan dan membuka laluan kerjaya di dua buah negara secara serentak.

Pendedahan Industri Antarabangsa

Pelajar akan mendapat pendedahan langsung kepada industri dan teknologi global melalui tempoh pengajian atau latihan di luar negara. Menerusi program ijazah dual UMPSA-HKA, contohnya, pelajar diwajibkan menjalani latihan industri selama enam bulan dan projek tahun akhir di syarikat berkaitan iaitu sebahagian pelajar berpeluang melaksanakannya di Jerman. Malah, pensyarah jemputan dari universiti rakan seperti HKA turut terlibat untuk mengajar pelajar UMPSA setiap semester bagi Kursus Kejuruteraan. Pendedahan ini adalah bagi memastikan pelajar menimba pengalaman dan budaya kerja antarabangsa yang amat berharga.

Kebolehpasaran Graduan Lebih Tinggi

Graduan program kerjasama akademik UMPSA memiliki kelebihan daya saing di pasaran kerja global. Rekod menunjukkan graduan program dwijazah UMPSA-Jerman ditawarkan pekerjaan di syarikat Jerman dan syarikat multinasional lain sebaik sahaja tamat pengajian. Program kerjasama dalam bidang khusus seperti Kejuruteraan Rel UMP-BJTU pula secara signifikan memenuhi permintaan tenaga kerja industri rel dalam negara. Sokongan biasiswa daripada pihak seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi program dwijazah UMPSA-BJTU turut membantu melahirkan graduan berkualiti tinggi untuk sektor strategik tersebut.

Penguasaan Bahasa Asing dan Budaya

Pelajar akan turut meningkatkan penguasaan bahasa asing (seperti bahasa Jerman dan Mandarin) serta pemahaman budaya lain melalui program-program ini. UMPSA misalnya, menyediakan kelas intensif bahasa Jerman dan keperluan persediaan peperiksaan TELC bagi memastikan pelajar memenuhi syarat pengajian di Jerman. Di samping itu, kerjasama dengan Hebei University dan CLEC dalam penubuhan pusat vokasional China-Malaysia akan memperkasa kursus bahasa Mandarin industri (seperti Mandarin Industri, Mandarin Rel, Mandarin Metalurgi) dan melatih tenaga pengajar tempatan dalam pengajaran bahasa berteraskan TVET. Kemahiran bahasa dan interkultur ini menjadikan graduan lebih bersedia untuk berfungsi dalam persekitaran global.

Akses TVET Pesisir

Melalui inisiatif Kampus Pesisir, UMPSA memperluas akses pendidikan tinggi berasaskan TVET kepada golongan di luar kampus induk, khususnya di Sabah dan Sarawak. Kerjasama strategik

UMPSA-Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyaksikan penawaran dua program Sarjana Muda Teknologi secara pesisir di UMS, iaitu Teknologi Penyelenggaraan Fasiliti Minyak dan Gas serta Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian. Program TVET pesisir pertama negara ini telah dirintis bersama pemantauan badan akreditasi profesional seperti Majlis Teknologis Malaysia (MBOT). Inisiatif ini membolehkan anak tempatan Sabah/Sarawak termasuk dari komuniti luar bandar dan B40 boleh mengecapi pendidikan tinggi TVET tanpa perlu berhijrah jauh, selaras dengan sasaran KPT untuk memperluas enrolmen 150,000 pelajar TVET menjelang tahun 2030.

Jaringan Kerjasama dan Pengantarabangsaan

Program-program ini memperkukuh jaringan kerjasama UMPSA dengan institusi ternama dunia, sekali gus melonjakkan nama UMPSA di persada antarabangsa. Rakan strategik UMPSA merangkumi universiti teknikal tersohor di Jerman (Karlsruhe, Reutlingen, Mannheim) dan China (Beijing Jiaotong, Tianjin, Hebei) dalam pelbagai bidang seperti Kejuruteraan Automotif, Mekatronik, Elektrikal dan Elektronik, Kejuruteraan Rel (Awam, Mekanikal, Sistem Kuasa), Kejuruteraan Kimia, serta Kejuruteraan Perniagaan. Hubungan erat ini membawa kepada pemindahan pengetahuan dan teknologi merentasi sempadan, di samping membuka laluan mobiliti pelajar dan staf secara dwihala. Malah, penawaran program bertaraf antarabangsa ini turut diiktiraf industri dalam dan luar negara yang menjadikan UMPSA sebagai penanda aras yang dirujuk oleh universiti lain di Malaysia dalam pembangunan program dwijjazah.

Melangkah ke Hadapan

Inisiatif-inisiatif di atas seiring dengan aspirasi UMPSA untuk muncul sebagai Hab TVET Termaju peringkat ASEAN. Menerusi strategi kolaborasi global dan pengukuhan program akademik berimpak tinggi, UMPSA bukan sahaja memenuhi keperluan semasa industri terhadap tenaga kerja mahir, malah turut memperkukuh hubungan dua hala Malaysia dengan rakan antarabangsa serta meningkatkan reputasi negara dalam arena pendidikan teknikal. Sebagai antara universiti teknikal terbaik negara, UMPSA komited mempelbagaikan program TVET bertaraf dunia. Kejayaan melahirkan 45 graduan perintis program ijazah dual bersama BJTU dan pelaksanaan program ijazah dual dengan Tianjin University dan lain-lain, membuktikan potensi besar kerjasama sebegini. Menerusi gabungan program ijazah dual, kampus pesisir dan mobiliti pelajar, UMPSA terus melangkah ke hadapan dalam melahirkan graduan berdaya saing global dan mendukung agenda TVET lanjutan demi kemakmuran bersama.



Oleh: Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Binti Abdul Munaim

E-mel: mimi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Penolong Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (Pengantarabangsaan dan Kerjasama Akademik), Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 152 views

[View PDF](#)